



RASMI: Abdullah menandatangani plak selepas merasmikan Menara Tun Ismail Mohamed All sambil diperhatikan Ahmad Sarji (kanan), Hamad (dua dari kanan) serta kakitangan di Jalan Raja Laut, malam tadi.

# 'Pertingkatkan modal insan

## Pak Lah mahu usaha, program diperkukuh demi kemajuan orang Melayu serta masyarakat Malaysia

Oleh **Ridzuan Yop**

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu pembangunan modal insan di kalangan orang Melayu terus dipertingkatkan selaras usul serta cadangan yang dibawa perwakilan pada Perhimpunan Agung Umno lalu.

Perdana Menteri berkata, pembangunan modal insan adalah penting demi kemajuan orang Melayu serta masyarakat Malaysia keseluruhannya.

Presiden Umno itu berkata, jika orang Melayu dan rakyat Malaysia mahu maju, mereka mesti menjadi tenaga insan yang bermutu dan tidak setakat mempunyai ilmu dalam pelbagai bidang seperti sains dan teknologi saja.

"Kita juga perlu menjadi individu yang mempunyai semangat patriotik yang tinggi, sayangkan negara dan bangsa. Kita mesti menjadi orang berwibawa, beramanah, adil dan toleran.

"Dalam negara yang berbilang kaum ini, kita perlu menjadi orang

yang mempunyai kekuatan jasmani dan rohani dan itulah erti pembangunan insan sebenar," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat khas Majlis Tertinggi (MT) Umno, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini semalam.

Mesyuarat khas lebih lima jam turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang juga Timbalan Presiden Umno bagi membincangkan pelbagai usul serta cadangan yang dikemukakan pada Perhimpunan Agung Umno ke-56 lalu.

Abdullah berkata, perkara penting yang diambil kira mesyuarat MT itu, mengenai bagaimana melaksanakan semua usul serta cadangan yang dikemukakan dengan berkesan dan memberi manfaat kepada rakyat.

"Bagi menjayakannya, kita (MT) juga mengambil kira banyak perkara yang berlaku dalam negara seperti situasi penduduk, ekonomi serta melihat apa kejayaan yang diperolehi selama ini selain mengenai pasti kekurangan dan kelemahan," katanya

Beliau berkata, kerajaan Barisan

Nasional (BN) yakin semua cadangan bagi membina kejayaan itu perlu dimulai dengan usaha bersungguh-sungguh melalui perkongsian kuasa dalam menentukan yang terbaik untuk negara dan rakyat.

Sehubungan itu, katanya, MT akan memperhalusi dan menyemak raka-

*Kita juga mengenai pasti apakah pendekatan yang perlu diberi perhatian utama khususnya berkaitan pembangunan tenaga insan"*

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

man perbincangan usul pada Perhimpunan Agung Umno lalu bagi mengemas kini dan memperkasakan agenda parti.

Ditanya sama ada mesyuarat itu ada membincangkan kes rayuan Naib Presiden Umno, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, Abdullah berkata, ia adalah mesyuarat khas dan perkara berhubung rayuan Isa tidak dibincangkan.

Mengenai keputusan mahkamah mendapati penulis buku *50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM* (50 Dalil). Datuk Abdul Khalid @Khalid Jafri Bakar Shah, bersalah menulis maklumat palsu sehingga Anwar dipecat dari Umno, Abdullah berkata, pemecatan Anwar adalah kes dalaman parti dan tiada hubung kait dengan mahkamah.

Mengenai pertelingkahan Presiden Gerakan. Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Timbalannya, Datuk Seri Kerk Choo Ting menjelang pemilihan parti itu Sabtu ini, Abdullah berkata: "Saya harap mereka berhenti (bertelingkah)... serah lah pada parti nak buat keputusan... itu yang baik,"